

Saifuddin: Biar polis ambil tindakan mahasiswa turun bendera Najib
The Malaysian Insider
19 Disember, 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 19 Dis — Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Saifuddin Abdullah menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan lanjut terhadap tindakan mahasiswa menurunkan bendera wajah Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sewaktu demonstrasi di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tempoh hari.

Jelas Saifuddin, pihaknya menyerahkan tindakan selanjutnya kepada pihak berkuasa berkenaan kerana insiden itu berlaku di luar kawasan universiti.

“Perkara itu berlaku di kawasan awam, dan di luar kawasan universiti, oleh itu, saya serahkan kepada pasukan polis untuk mengambil tindakan selanjutnya,” katanya pada sidang media di bangunan Parlimen hari ini.

Saifuddin menambah, beliau mengulangi dan menjelaskan pendiriannya seperti yang telah nyatakan dalam Twitter dan Facebook kelmarin bahawa insiden menurunkan bendera gambar Najib selaku Presiden Umno di PWTC adalah perbuatan terkutuk.

“Dan bahawa pihak yang bertanggungjawab iaitu Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) dan Gerakan Menuntut Kebebasan Akademik (Bebas) mesti meminta maaf,” katanya lagi.

Saifuddin menambah: “Saya ingin menjelaskan bahawa kehadiran saya di tempat insiden itu hanyalah semata-mata untuk menerima Memorandum daripada SMM dan Bebas.”

“Setiap orang boleh membuat telahan masing-masing, tetapi saya sekadar hadir dan menerima memorandum berkenaan, tidak lebih dari itu,” jelasnya mempertikaikan dakwaan sesetengah blog yang menyatakan beliau terlibat dalam penganjuran demonstrasi tersebut.

“Saya mendapat maklumat mahasiswa ini tidak akan meminta maaf, itu pendirian mereka, tapi saya menuntut mereka harus segera meminta maaf kepada perdana menteri,” tegasnya.

Menurut Timbalan Menteri Pengajian Tinggi ini lagi, beliau mengutuk perbuatan itu tetapi menegaskan, insiden itu tidak akan mengganggu komitmen kerajaan meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Tambahnya, sesi sidang meja bulat perbincangan pemindaan AUKU akan tetap diteruskan, tetapi perbincangan tersebut akan disambung selepas mahasiswa selesai menghadapi peperiksaan hujung bulan ini.

The Malaysian Insider
Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider
Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saifuddin-biar-polis-ambil-tindakan-mahasiswa-turun-bendera-najib/>